

Buang mentaliti tugas banteras rasuah tanggungjawab orang lain

BH
13/8/17
MLS-12

Jenayah rasuah wajib dikekang bukan sahaja terhadap pelaku, malah kepada pihak bersekongkol dan bersubahat melakukan perbuatan keji itu. Dalam hal ini, pasangan kepada si pelaku, sama ada isteri atau suami tidak terkecuali berdepan tindakan undang-undang jika didapati sedia maklum perilaku pasangan

S: Terdapat peruntukan yang membolehkan isteri didakwa sama jika suami didapati terabit dengan rasuah iaitu Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001. Apakah implikasi peruntukan ini terhadap isteri?

J: Perlu diingatkan bahawa AMLATFA bukan peruntukan undang-undang spesifik untuk kes rasuah, cuma AMLATFA dalam sesetengah situasi membabitkan rasuah mungkin boleh digunakan. Berdasarkan kefahaman saya, Seksyen 4 AMLATFA menyatakan sesiapa membabitkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti pengubahan wang boleh didakwa di mahkamah. Peruntukan ini tidak bina-

ga ada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang digubal dengan tujuan spesifik untuk mencegah rasuah. AMLATFA ini lebih kepada 'supplement' untuk Akta SPRM. Ia satu langkah yang baik dan wajar dilihat sebagai inisiatif kerajaan untuk membasmi gejala rasuah.

S: Adakah sikap tidak mengendahkan pendapatan suami semata-mata boleh membawa kepada isteri didakwa dengan peruntukan ini?

J: Ya. Ada kemungkinan sikap acuh tidak acuh isteri boleh menyebabkan beliau didakwa di bawah peruntukan seksyen 4 AMLATFA. Seperti yang dibincangkan tadi, Seksyen 4 agak luas akarnya, di mana sesiapa boleh

rikan keterangan dan bukti semasa siasatan, maka ada kemungkinan beliau tidak akan didakwa.

S: Apakah nasihat anda kepada individu di luar sana yang pasangannya berpotensi untuk melakukan jenayah rasuah, khususnya wanita?

J: Pada hemat saya, pasangan kepada mereka yang meraih pendapatan utama buat keluarga (saya rujuk sebagai 'pasangan' kerana zaman kini, ada juga isteri yang menjana pendapatan untuk keluarga dan pasangan mereka) perlu mengambil tahu dari mana datangnya sumber pendapatan itu. Terutama bagi mereka yang mempunyai pegangan agama atau sekurang-kur-



masing-masing. Baru-baru ini, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dzulkifli Ahmad mengumumkan tindakan dikenakan ke atas isteri yang bersubahat dengan penyelewengan dilakukan suami. Langkah itu mendapat reaksi pelbagai pihak. Ikuti wawancara

wartawan BH Ahad, AZRONE SARABATIN dan JOHARI MOHD ALI yang mendapatkan pandangan peguam, Muhammad Akram Abdul Aziz dan Pengerusi Persekutuan Wanita dan Ibu Tunggal Nur Iman Kuala Lumpur dan Selangor (WITUS), Shiella Tukimin.

mah. Penting di sini untuk kita meneliti frasa 'langsung dan tidak langsung', yang mana tidak semestinya seorang isteri perlu terbabit dalam aktiviti haram suaminya.

Seksyen 4(2) akta sama menjelaskan bahawa mereka yang didakwa di bawah Seksyen 4(1) dianggap tahu atau memiliki maklumat berkenaan aktiviti pengubahan wang. Dalam hal ini, implikasi yang boleh dilihat adalah, isteri kepada suami yang didakwa mengubah wang ini berkemungkinan dianggap sebagai terbabit secara tidak langsung mengikut seksyen 4 AMLATFA.

S: Apakah hak yang perlu diketahui isteri jika berdepan dengan pendakwaan mengikut peruntukan ini?

J: Jika didakwa, antara pembealaan yang mungkin boleh dibangkitkan si isteri adalah dengan membuktikan beliau di bawah anggapan suaminya mendapat sumber pendapatan yang sah dan apa-apa perbelanjaan yang dibuat tidak menimbulkan keraguan. Contohnya, jika suami seorang pegawai kerajaan berpangkat tinggi, mungkin munasabah jika perbelanjaan keluarga mereka agak mewah berbanding penjawat awam biasa, namun mungkin tidak sehingga berbelanja seperti jutawan.

S: Sejauh mana peruntukan ini boleh membasmi gejala rasuah di negara ini?

J: Apa yang saya sedia maklum, AMLATFA bukan satu satunya peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk membasmi gejala rasuah. Kita ju-

skopnya di mana siapa boleh didakwa terbabit secara tidak langsung dalam aktiviti pengubahan wang haram. Agak janggal jika seorang isteri mendakwa beliau tidak mengesyaki atau tidak tahu suaminya ada sumber pendapatan yang lain apabila perbelanjaan keluarga lebih mewah dan lebih tinggi daripada pendapatan zahir suaminya.

S: Adakah peruntukan lain yang membolehkan isteri turut didakwa jika kesalahan rasuah dilakukan suami?

J: Setakat yang saya maklum, peruntukan Akta SPRM 2009 dan AMLATFA ini dua peruntukan yang digunakan pihak berkuasa untuk mendakwa mereka yang terbabit dalam rasuah atau kesalahan pengubahan wang haram, di mana bukan sahaja isteri, tetapi sesiapa saja yang terbabit secara langsung atau tidak langsung boleh didakwa.

S: Adakah kemungkinan peruntukan sebegini boleh menyebabkan orang yang tidak bersalah khususnya isteri boleh terjebak dengan perlakuan rasuah suami?

J: Ada kemungkinan. Tetapi perlu diingat, lazimnya pendakwaan berhubung kes kolar putih sebegini bukanlah dibuat secara spontan seperti disiarkan dalam rancangan televisyen. Pihak berkuasa seperti SPRM akan membuat siasatan menyeluruh terlebih dahulu di mana bukti perlu dikumpul untuk mereka membina kes yang kuat. Jika isteri pesalah didapati tidak terbabit atau bekerjasama dalam membe-

ngan agama atau sekurang-kurangnya pegangan moral, saya percaya semua agama dan prinsip moral menegah kita daripada mengambil pendapatan haram.

Selain itu, masyarakat kita juga perlu berubah dan tidak mengamalkan mentaliti 'semuanya tanggungjawab orang lain.' Apabila berlaku perkara sebegini, pihak berkuasa atau kerajaan yang dipersalahkan semata-mata. Apabila ada ahli keluarga terbabit, tiada siapa mahu menggalas tanggungjawab atau mencari punca mengapa beliau melakukan jenayah itu.



Masyarakat kita juga perlu berubah dan tidak mengamalkan mentaliti 'semuanya tanggungjawab orang lain.' Apabila berlaku perkara sebegini, pihak berkuasa atau kerajaan yang dipersalahkan semata-mata. Apabila ada ahli keluarga terbabit, tiada siapa mahu menggalas tanggungjawab atau mencari punca mengapa beliau melakukan jenayah itu"

Muhammad Akram Abdul Aziz,
Peguam

BH
13/8/17
MLS 13

→ SOAL JAWAB

'Lebih elok isteri jangan ambil wang luar kemampuan suami'



Shiella Tukimin

S: Wajarkah isteri bersubhat dengan suami dalam kes rasuah dikenakan tindakan?

J: Ya, wajar dikenakan tindakan supaya menjadi pengajaran kepada keluarga lain agar tidak terjebak, mendekati atau mahu mencuba menerima rasuah dengan mengambil kesempatan terhadap jawatan dipegang suami. Kita tidak mahu pasangan lain akan mencipta slogan sendiri 'kalau keluarga dia boleh terima rasuah, kenapa pula kami tidak boleh'. Jika undang-undang berkenaan dilaksanakan, pasti menimbulkan kegerunan kepada mereka yang mahu terjebak rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa agar bertaubat dan menjauhinya.

S: Adakah ini tidak menganiaya keluarga terbabit?

J: Sudah pasti tidak kerana hasil daripada rasuah adalah haram,

tapi cara baik jangan sampai merosakkan hubungan suami isteri. Lebih elok isteri jangan ambil wang di luar kemampuan suami takut ia hasil haram khususnya dari sumber rasuah. Jangan pula cepat percaya, nanti jadi macam dalam filem klasik Melayu, *Ahmad Albab* apabila isteri Muharam dan Safar mudah menerima penjelasan suami kononnya harta banyak hasil perniagaan padahal hasil samun.

S: Bolehkah isteri yang didakwa bersubhat menerima rasuah membela diri?

J: Boleh sekiranya si isteri langsung tidak mengetahui tentang apa pun punca dan dari mana hasil rasuah diperolehi. Mungkin terpengaruh dengan 'auta' (pembongkaran) si suami. Saya yakin kes ini berlaku dalam segelintir masyarakat. Mungkin gejala rasuah membabitkan wanita kerana dari segi faktor mahu cepat kaya dan dikenali, sikap tamak



Kita tidak mahu pasangan lain akan mencipta slogan sendiri 'kalau keluarga dia boleh



daripada rasuah adalah haram, merosakkan masyarakat dan melemahkan pembangunan negara kerana wang yang sepatutnya digunakan untuk pembinaan prasarana atau pembangunan modal insan disalah guna penerima rasuah yang akhirnya mereka kaya, sedangkan masyarakat mengharapkan pembelaan terus hampa dan akhirnya menyalahkan kerajaan. Tiada simpati kepada penerima rasuah dan tidak keterlaluan jika dikatakan mereka adalah musuh negara. Setiap rakyat Malaysia perlu berpegang kepada slogan 'Katakan tidak kepada rasuah'.

S: Bagaimana boleh kesan isteri subahat?

J: Boleh dilihat dari segi hasil pendapatan, gaya hidup, aktiviti harian yang menampakkan perubahan mendadak. Misalnya, mustahil isteri seorang penjawat awam bergaji sederhana mampu memiliki kereta mewah dan barang kemas di luar kemampuan keluarga. Juga ada kes seorang kakitangan biasa berpangkat rendah tetapi hidup mewah mengalahkan seorang menteri. Ini perlu dipantau kerana ada ciri-ciri penerima rasuah. Seperti kita sedia maklum kesalahan itu boleh didakwa mengikut Peruntukan Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLA-TFA) 2001 (Akta 613).

S: Bagaimana mengelak bersubahat?

J: Mohon suami beri penjelasan bagaimana boleh memperoleh wang yang banyak diberikan kepada isteri, kalau boleh desak, te-

kaya dan dikenali, sikap tamak untuk memenuhi kehendak diri dan menurut hawa nafsu.

Ada juga yang dahulu miskin dan sering dihina saudara apabila dapat jodoh suami dalam kalangan berpengaruh atau berjawatan besar akan menggunakan peluang itu untuk menjadi kaya dan membuktikan kepada masyarakat kehidupannya sudah berubah. Mungkin kes terpencil tapi memang ada, saya sendiri pernah jumpa. Ada juga kes membabitkan ahli keluarga seperti adik beradik, adik ipar atau kakak ipar ataupun anak sendiri, ia juga perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa kerana perbuatan rasuah satu kesalahan besar dan memberi kesan buruk kepada negara.

S: Apa pandangan mengenai undang-undang ini?

J: Undang-undang membanteras suami bersubahat isteri dalam penyelewengan ini wajar dilaksanakan dan sepatutnya sudah lama dikuatkuasakan. Pada pandangan saya si isteri wajar dikenakan tindakan kerana bersubahat, sekiranya si isteri mengetahui segala tindak tanduk si suami adalah salah di sisi undang-undang, kenapa tidak menolaknya? Jika sebaliknya suami pula mengambil kesempatan di atas jawatan isteri, tindakan sama patut dikenakan.

Ada yang tanya kenapa perlu bertindak kepada isteri termasuk yang dijadikan kambing hitam? Ia memang wajar kerana apa pun kes berkaitan rasuah atau penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh pasangan secara tidak langsung isteri terbabit sama. Ini bukan hukuman membabi buta tapi adil kepada pelakunya.

'Kalau keluarga dia boleh terima rasuah, kenapa pula kami tidak boleh'. Jika undang-undang berkenaan dilaksanakan, pasti menimbulkan kegerunan kepada mereka yang mahu terjebak rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa agar bertaubat dan menjauhinya"

Shiella Tukimin,
Pengerusi Persatuan Wanita dan Ibu Tunggal Nur Iman Kuala Lumpur dan Selangor (WITUS)